

**Peruntukan RM20 Juta Lagi Untuk Bina, Naik Taraf Sekolah Tamil
Bernama
4 April, 2013
Oleh Chandravathani Sathasivam**

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah meluluskan RM20 juta lagi untuk membina dan memperbaiki 13 sekolah bantuan penuh jenis kebangsaan Tamil di seluruh negara, kata penyelaras bagi Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil Profesor Dr N.S Rajendran.

Peruntukan itu, yang diberikan minggu lepas, ialah untuk memenuhi keperluan mendesak pembangunan infrastruktur sekolah-sekolah berkenaan, katanya tetapi tidak menamakan sekolah-sekolah itu.

Dana baharu itu di luar peruntukan RNM100 juta yang diberikan di bawah Belanjawan 2013.

Dalam Belanjawan 2013, Najib, yang juga menteri kewangan, menyediakan peruntukan tambahan khas RM100 juta bagi tapak baharu, tambahan blok bangunan dan kerja menaik taraf sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Sejak 2009, kerajaan Barisan Nasional (BN) memperuntuk sejumlah RM540 juta bagi sekolah-sekolah Tamil, kata Rajendran kepada Bernama dalam temu bual di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Katanya buat pertama kali, perdana menteri bersetuju untuk menyerahkan peruntukan itu terus kepada setiap Lembaga Pengelola Sekolah berkenaan.

"Pasukan saya dan saya sendiri akan membantu dan memantau kemajuannya," kata beliau.

Rajendran berkata era Najib ialah era gemilang bagi sekolah-sekolah Tamil kerana perdana menteri sendiri memberikan jaminan bahawa kerajaan akan terus membangunkan sekolah-sekolah Tamil.

"PM Najib dianggap Bapa Transformasi Sekolah-sekolah Tamil dan beliau (Najib) ialah orang terbaik untuk menyelesaikan masalah sekolah-sekolah Tamil." katanya.

Antara tahun 2009 dan 2013, kerajaan membelanjakan sejumlah besar RM540 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil melalui Program Khas kerajaan - RM340 juta dibelanjakan dari 2009 hingga 2011 dan RM100 juta dalam 2012. Sebanyak RM100 juta lagi akan dibelanjakan tahun ini.

Kerajaan melalui Community Chest, sebuah pertubuhan kebajikan, mengagih-agihkan RM9.139 juta kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara termasuk sekolah di negeri-negeri yang ditadbir pembangkang.

Mengenai pembangunan tujuh sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, Rajendran berkata SJKT Paya Besar, Lunas (Kedah) sedang dalam pembinaan sejak tahun lepas sementara enam lagi sekolah akan dibina lewat tahun ini.

Enam sekolah itu ialah Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah; Heawood Estate, Sungai Siput, Perak; Taman Sentosa, Klang, Selangor; Taman PJS1, Petaling Jaya, Selangor; Bandar Mahkota, Cheras, Kuala Lumpur,; and Bandar Seri Alam, Masai, Johor.

"Sejumlah RM100 juta yang diperuntuk pada 2012 sebahagian besarnya disalurkan untuk membina tujuh sekolah baharu Tamil," katanya.

Rajendran berkata selain RM560 juta itu, Najib telah meluluskan beberapa bantuan kewangan untuk membeli, antara lain, sebidang tanah bagi SJKT Ladang Tebung, Melaka (RM320,000) dan membina blok bangunan baharu bagi SJKT Semenyih, Selangor, selepas siling sekolah itu runtuh kerana anai-anai (RM290,000).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939409>